



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 27 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **95 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **3,957 kes** (67.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Sekali lagi, bilangan kes yang didiscaj hari ini adalah lebih dua kali ganda bilangan kes baru yang dilaporkan.

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 27 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **40 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,820 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhjangkitan COVID-19 adalah 1,764 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **37 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 17 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan

bahawa terdapat penambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **99** kes (1.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-99 (kes ke-4087) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 78 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan strok. Beliau telah dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 7 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 27 April 2020 jam 4.31 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

PERGERAKAN PULANG PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

Seperti yang umumkan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi, pelajar-pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta, Politeknik dan Kolej Komuniti dibenar memulakan pergerakan secara berperingkat untuk pulang ke kampung halaman masing-masing mulai 27 April 2020.

Hasil kerjasama dan perbincangan di antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan KKM, satu garis panduan telah dibangunkan di mana ianya merangkumi aspek kesihatan bagi pelajar-pelajar yang ingin pulang ke kampung halaman. Pusat Kesihatan Universiti (PKU) masing-masing akan membuat saringan bagi pelajar-pelajar (suhu badan, saringan gejala batuk, selesema, sakit tekak atau sukar bernafas) sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan.

Sepanjang perjalanan pulang ke kampung halaman, pelajar dinasihatkan supaya sentiasa mengikut langkah-langkah pencegahan seperti berikut, iaitu:

- mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain;
- menjaga kebersihan diri, dengan kerap membasuh tangan dengan air dan sabun;

- menggalakkan pemakaian alat penutup mulut dan hidung (*facemask*) di sepanjang perjalanan.

NASIHAT KESIHATAN COVID-19

KKM menyeru agar orang ramai untuk kekal patuh kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi ketua rumah yang perlu keluar membeli barang-barang keperluan kehidupan seharian, dikehendaki sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan seperti:

- Elakkan keluar dari rumah sekiranya kurang sihat atau mempunyai sebarang gejala;
- Elakkan keluar secara berpasangan atau berkumpulan;
- Menggunakan *hand sanitizer* / mencuci tangan dengan air dan sabun sebelum dan selepas aktiviti pembelian;
- Mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain;
- Elakkan 3C: Kawasan yang sesak (*Crowded place*), kawasan yang sempit (*Confined space*), bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*);
- Hadkan masa anda di tempat-tempat awam;
- Sekiranya mempunyai alat penutup mulut dan hidung (*facemask*) bolehlah digunakan, terutama sekiranya ke kawasan umum yang ramai orang;

Langkah-langkah berikut boleh membantu memutuskan rantai penularan COVID-19.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

27 April 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 27 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU * | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|--------------------------------------|---------------------------------------|
| PERLIS | 0 | 18 |
| KEDAH | 0 | 95 |
| PULAU PINANG | 0 | 121 |
| PERAK | 1 | 253 |
| SELANGOR | 4 | 1,398 |
| NEGERI SEMBILAN | 1 | 435 |
| MELAKA | 0 | 193 |
| JOHOR | 0 | 659 |
| PAHANG | 0 | 288 |
| TERENGGANU | 0 | 110 |
| KELANTAN | 0 | 155 |
| SABAH | 1 | 312 |
| SARAWAK | 3 (1) | 488 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 30 (4) | 1,200 |
| W.P. PUTRAJAYA | 0 | 79 |
| W.P. LABUAN | 0 | 16 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 40 (5) | 5,820 |

*() adalah merujuk kepada kes-kes import